

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 Jun 2009

SOALAN

YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah Kerajaan bagi membantu dan melindungi warga emas di desa dan luar bandar termasuk hampir 100,000 warga emas di Negara ini iaitu yang berumur 60 tahun yang terpinggir dan tidak dipedulikan.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan beberapa langkah untuk membantu dan melindungi warga emas yang terpinggir dan tidak dipedulikan tanpa mengira sama ada warga emas tersebut berada di desa dan di luar bandar mahu pun di bandar bagi memastikan kehidupan mereka terbela, sejahtera dan lebih bermakna. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:- a) Menyediakan Skim Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300.00 seorang sebulan untuk warga emas yang daif, miskin dan tidak mempunyai keluarga atau mempunyai keluarga yang miskin dan tidak mampu menyara kehidupan hariannya; b) Menyediakan kemudahan jagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK) kepada warga emas yang daif dan miskin di Rumah Ehsan (RE) bagi warga emas yang sakit melarat dan memerlukan penjagaan rapi; c) Mewujudkan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM) bertujuan memberi kemudahan harian kepada warga emas yang tinggal bersendirian di rumah semasa ahli keluarga atau penjaga keluar bekerja untuk bersosialisasi dan mengisi masa lapang secara produktif bersama warga emas yang lain dan masyarakat; d) Menyediakan perkhidmatan pengangkutan Unit Khidmat Penyayang Warga Emas bagi memberi kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik berdekatan; e) Menyediakan Perkhidmatan Bantuan di Rumah atau Home Help Services. Perkhidmatan yang bercorak reaching out kepada warga emas di mana para sukarelawan akan membantu warga emas untuk membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli belah dan membayar bil dan membantu warga emas menjaga kesihatan diri; f) Menyediakan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan seperti alat otopedik, cermin mata, alat pendengaran serta tongkat; dan g) Menyediakan Bantuan Geran Tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang mengendalikan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas di rumah dan pondok warga emas. Jawapan Disediakan Oleh : 1) Nama : Zulkapli bin Sulaiman 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Bahagian Warga Tua dan Keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 4) No. Tel : 03 2616 5646 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan: 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKMM Jawapan Disemak Oleh Kementerian:- 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian: 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

